

10 JUN 1996
Profil - Osman
KEDAH BERTUKAR WAJAH DI BAWAH OSMAN

Oleh: Fisol Jaafar

ALOR SETAR, 10 Jun (Bernama) -- Kedah, yang dahulunya sebuah negeri pertanian dengan penanaman padi sebagai nadi ekonominya, kini semakin menonjol sebagai pusat kegiatan perindustrian di wilayah utara Semenanjung Malaysia.

Ia tidak lagi semata-mata bergantung kepada pertanian sebagai sumber pendapatan negeri tetapi telah beralih kepada sektor perindustrian yang membuahkan pulangan yang lebih lumayan untuk diagihkan kepada rakyat dalam pelbagai bentuk, khususnya pembangunan dan pekerjaan yang telah meningkatkan tahap sosio-ekonomi penduduknya.

Sudah tentu rakyat tidak dapat menolak hakikat bahawa orang yang turut bertanggungjawab membawa negeri terus maju ialah Tan Sri Haji Osman Aroff, Menteri Besar Kedah yang keempat, yang menggantikan Datuk Seri Syed Nahar Shahabudin pada 1985.

Pencapaian itu tentunya didorong oleh hasratnya untuk membentuk satu bangsa Malaysia yang bermaruah dan dihormati di peringkat nasional dan antarabangsa, selain daripada menggalakkan rakyat terutamanya golongan bumiputera supaya mempunyai sifat kreatif dan inovatif untuk mencapai kejayaan dan kesejahteraan.

Beliau pernah merasai keperitan hidup dalam kemiskinan dan keadaan itu menimbulkan kesedarannya untuk berjuang membela nasib rakyat, khususnya di kawasan luar bandar.

Anak petani ini dilahirkan pada 23 Nov, 1940 di Kampung Kelubi, Kubang Pasu. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Jitra sehingga tamat darjah empat sebelum melanjutkan pelajaran di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar pada 1951 dan lulus Senior Cambridge pada 1958.

Osman kemudian melanjutkan pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang sains politik di sebuah universiti di Amerika Syarikat.

Pembabitan beliau dalam politik bermula awal dalam hidupnya. Kecenderungannya berpolitik terserlah apabila beliau sentiasa mengikuti mesyuarat dan perjumpaan Umno tempatan ketika masih dalam belasan tahun.

Kegigihan dan kesungguhannya itu mendapat perhatian pemimpin tempatan sehingga Osman diberi kepercayaan menjawat jawatan Setiausaha Umno cawangan Tanah Merah pada 1956 walaupun baru berusia 16 tahun ketika itu.

Dua tahun kemudian beliau turut mengasaskan penubuhan Umno Bahagian Jitra dan menjadi Ketua Pemuda yang pertama apabila Umno Bahagian Kedah Utara ditukar menjadi Umno Bahagian Jitra sebelum dinamakan Umno Bahagian Kubang Pasu sehingga kini.

Dalam usia yang masih muda, beliau diberi kepercayaan menjadi wakil calon beberapa tokoh politik ketika itu, termasuk Tan Sri Fatimah Hashim yang bertanding bagi kerusi Parlimen Jitra-Padang Terap pada 1959.

Apabila tamat pengajian di luar negara pada 1963, Osman dilantik sebagai Penolong Setiausaha Pemuda Umno Malaya bagi menggantikan Hamzah Alang yang meninggal dunia.

Beliau menerajui Umno Bahagian Kubang Pasu dari 1969 hingga 1972 sebelum Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad mengambil alih dan Osman dipilih sebagai Timbalan Ketua Bahagian sehingga sekarang.

Beliau pernah bekerja di Pejabat Konsul Taiwan, Kuala Lumpur selama tiga tahun sebelum meletakkan jawatan untuk bertanding dalam pilihan raya umum pada 1969, apabila beliau mewakili Parti Perikatan mengalahkan calon PAS, Ayub Ishak, untuk kerusi kawasan Jitra -- kerusi yang dimenangi selama tujuh pilihan raya umum berturut-turut setakat pilihan raya umum 1995 dan

sekaligus, menjadikannya wakil rakyat paling lama di negeri ini sehingga kini.

Pada 1972, Osman dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dan diberi kepercayaan memangku jawatan Menteri Besar selama 42 hari semasa Datuk Seri (kini Tun) Syed Ahmad Al-Haj Syed Mahmud Shahabudin bercuti di luar negara pada 1976.

Beliau dikekalkan sebagai anggota Exco apabila Syed Nahar menerajui kerajaan negeri dan pada 28 Jan, 1985 Osman mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar di hadapan Sultan Kedah empat hari selepas Syed Nahar mengumumkan perletakan jawatan.

Dalam tempoh pimpinannya, Osman menggerakkan pelbagai program dan melancarkan beberapa projek, yang kesemuanya bertujuan untuk memajukan negeri dan meningkatkan lagi kemakmuran hidup penduduk.

Beliau mengutamakan perindustrian sebagai asas ekonomi negeri supaya Kedah lebih cepat membangun dan mendekati taraf negeri termaju di Malaysia.

Walaupun perindustrian diberi keutamaan, kerajaan negeri di bawah kepimpinan Osman terus mencorakkan sektor pertanian agar menjadi lebih dinamik, bersifat komersil, tersusun dan responsif kepada perubahan masa dengan tujuan menjadikan Kedah sebagai pembekal utama keperluan dan input makanan negara.

Ketika Osman sibuk sebagai pemegang teraju kerajaan negeri, isterinya Puan Seri Hajah Azizah Abdul Hamid turut memainkan peranan yang penting dalam masyarakat dengan membabitkan diri dalam pelbagai badan amal di negeri ini.

Mereka dianugerahkan tiga anak lelaki, Jeffril, Rizal dan Adzmin, dan seorang anak perempuan, Illeana. -- Bernama

MFJ